

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_ Tarikh Cetakan : \_\_\_\_\_

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

**Penyedia Khidmat Kewangan** : **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Penanggung Insurans”/“Kami”)**  
**Nama Produk** : **Allianz Protect Platinum – Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai**

### 1. **Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?**

Polisi Insurans Liabiliti Para Pengarah dan Pegawai (polisi D & O) menyediakan perlindungan kewangan kepada para pengarah dan pegawai jika mereka disaman ketika melaksanakan tugas mereka. Di samping bayaran ganti rugi terhadap penghakiman atau penyelesaian, polisi ini turut membayar balik kos-kos pembelaan.

### 2. **Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Fasal Menginsurans 1.1: Para Pengarah dan Pegawai

Penanggung insurans akan membayar kepada atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan semua Kerugian yang disebabkan sesebuah Tuntutan terhadap Pihak Diinsuranskan kecuali untuk dan setakat yang Pihak Diinsuranskan dilindungi Syarikat. Perlindungan ini hanya diguna pakai apabila Tuntutan dibuat pertama kali dan dilaporkan kepada Penanggung Insurans semasa Tempoh Polisi atau Tempoh Penzahiran jika terguna pakai.

Fasal Menginsurans 1.2: Pembayaran Balik Syarikat

Penanggung insurans akan membayar kepada atau bagi pihak Syarikat semua Kerugian yang disebabkan oleh sesebuah Tuntutan terhadap Pihak Diinsuranskan yang dibuat pertama kali dan dilaporkan kepada Penanggung Insurans semasa Tempoh Polisi atau Tempoh Penzahiran jika terguna pakai.

Fasal Menginsurans 1.3: Insurans Syarikat untuk Tuntutan-tuntutan Keselamatan

Penanggung Insurans akan membayar kepada atau bagi pihak Syarikat, semua Kerugian disebabkan oleh sebarang Tuntutan Keselamatan yang dibuat terhadap Syarikat. Liputan ini hanya diguna pakai apabila Tuntutan Keselamatan dibuat pertama kali dan dilaporkan kepada Penanggung Insurans semasa Tempoh Polisi atau Tempoh Penzahiran jika terguna pakai.

Berikut adalah lanjutan automatik yang disediakan di bawah polisi ini:

- Kos-kos Perwakilan Perundangan
- Had Lebihan Terlindung untuk para Pengarah Bukan Eksekutif
- Perbelanjaan Perhubungan Awam
- Kos Ekstradisi
- Kos-kos Pendahuluan Kecemasan
- Kos-kos Kesihatan dan Keselamatan dalam Pekerjaan
- Para Pengarah dan Pegawai yang sudah Bersara
- Kos-kos Perlindungan Pembelaan Pencemaran
- Perlindungan Pencemaran Tuntutan Pemegang Saham
- Pendahuluan kepada Kos-kos Pembelaan dalam masa Tiga Puluh (30) Hari
- Perlindungan Anak Syarikat Baru Automatik
- Penawaran Baru Sekuriti
- Lanjutan Khidmat Kaunseling

### 3. **Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar boleh berbeza-beza bergantung kepada faktor-faktor pengunderaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Keadaan kewangan Syarikat
- Profil Para Pengarah
- Bilangan tahun di dalam perniagaan
- Struktur Pemegang Saham
- Sejarah Penggabungan & Pengambil Alihan
- Sejarah litigasi
- Kelas perniagaan
- Aktiviti antarabangsa

Premium asas selalunya diperolehi daripada jumlah aset sesebuah syarikat

4. **Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	%/Amaun
• Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	• 15% daripada premium/RM XX
• Cukai Perkhidmatan	• 6% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

5. **Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

- Kepentingan pendedahan

**Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Borang cadangan diperlukan untuk setiap tahun pembaharuan.
- Anda mesti memastikan yang had liabiliti anda adalah memadai untuk melindungi pendedahan risiko anda.
- Anda mesti memberikan notis bertulis kepada kami sejurus selepas ianya boleh dipraktikkan semasa tempoh polisi dan, di dalam sebarang kejadian, tidak lewat daripada tarikh luput tempoh penzahiran jika terguna pakai.
- Polisi ini diguna pakai kepada salah laku yang dibuat dan tuntutan-tuntutan dan siasatan yang dijalankan, di mana-mana sahaja di dunia.
- Had liabiliti boleh dibayar dalam lebih sebarang pegangan yang diguna pakai. Pegangan ini merangkumi kesemua kerugian.
- Ianya menjadi kewajipan anda untuk membela tuntutan-tuntutan dan menguruskan untuk perwakilan di dalam sesebuah siasatan. Kami mempunyai hak untuk bergandingan dengan anda secara berkesan berhubung dengan perilaku dan pengurusan sebarang tuntutan atau siasatan.
- Insurans ini adalah tertakluk kepada Waranti Premium 60 hari, iaitu premium perlu dibayar dan diterima penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh ianya bermula. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan polisi dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans berhak ke atas premium pro-rata 60 hari.

6. **Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak meliputi kerugian-kerugian tertentu seperti:

- Perilaku tidak jujur atau tidak wajar
- Perkara-perkara dan pemberitahuan sebelum ini yang diketahui
- Pihak Diinsuranskan lawan Pengecualian Pihak Diinsuranskan (diguna pakai di AS sahaja)
- Akta Keselamatan Pendapatan Persaraan Pekerja 1974 (AS)
- Kecederaan tubuh badan/kerosakan harta
- Khidmat-khidmat Profesional
- Pencemaran
- Entiti Luaran
- Akta Keselamatan 1933 (AS), Akta Tukaran Keselamatan 1934 (AS)

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberikan notis bertulis kepada kami yang mana kami akan menyimpan bahagian lazim perkadaran pendek premium. Kami boleh membatalkan polisi ini pada dan dengan cara yang dibenarkan oleh undang-undang hanya apabila pembayaran premium tidak dibuat.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kami terhadap sebarang perubahan di dalam perincian maklumat anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada cawangan-cawangan kami atau menghubungi kami di:

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena  
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Panggilan Allianz: 1 300 22 5542  
Emel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)  
  AllianzMalaysia  
 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI PASTIKAN YANG LIABILITI ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG SEWAJARNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EIEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/09/2018.